



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN INDIA BERKAITAN PEREKRUTAN, PENGGAJIAN DAN PENGHANTARAN PULANG PEKERJA

1. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India telah melakar sejarah baharu apabila kedua-dua buah negara tersebut telah berjaya menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai perekrutan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja yang akan berkhidmat di Malaysia. Pemeterai persefahaman bersama kali ke dua ini menunjukkan kesungguhan kedua-dua pihak untuk menjalinkan kerjasama di mana memorandum persefahaman yang sebelum ini telah tamat pada tahun 2014 akhirnya telah mencapai kesepakatan untuk diperbaharui pada tahun 2024 sehinggalah dapat ditandatangani pada hari ini.
2. Upacara menandatangani dan pertukaran dokumen persefahaman bersama ini telah berlangsung pada 20 Ogos 2024 di Khailash Hall, Hyderabad House, New Delhi. Malaysia telah diwakili oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia manakala India diwakili oleh Menteri Luar, Dr. Subrahmanyam Jaishankar. Upacara ini telah disaksikan oleh YAB Perdana Menteri kedua-dua buah negara.
3. Dengan termeterainya memorandum persefahaman bersama ini, Malaysia komited untuk menjaga kebajikan dan hak pekerja India yang bekerja di Malaysia bagi memastikan India menghantar pekerja berkemahiran mereka. Pada masa ini, India merupakan negara sumber ke lima terbesar yang menghantar pekerja ke Malaysia selepas Bangladesh, Indonesia, Nepal dan Myanmar yang berjumlah 133,486 orang.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
21 OGOS 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	